

Pelajar UPMKB anjur Program Bakti Siswa

BINTULU: Seramai 37 pelajar Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) menjayakan Program Bakti Siswa di Sekolah Kebangsaan (SK) Sebauh, baru-baru ini.

Menurut kenyataan daripada UPMKB, program tersebut dilaksanakan oleh pelajar Bakti Siswa Kumpulan 3 Sesi Akademik 2023/2024 dengan kerjasama Pejabat Pengurusan Pelajar UPMKB.

"Tujuan program ini dianjurkan adalah untuk mengerakkan hubungan silaturahim dalam kalangan orang awam dan warga UPMKB. "Ia sekali gus memberikan



TIMBA ILMU... Sejumlah murid-murid SK Sebauh, Bintulu menyertai Program Bakti Siswa anjuran pelajar UPMKB yang memberikan penekanan terhadap penggunaan Bahasa Inggeris.

pendedahan kepada masyarakat di Sebauh mengenai pentingnya Bahasa Inggeris di peringkat sekolah rendah sebagai bahasa kedua di Malaysia," katanya.

Pengarah Program, Muhammad Ruzain Aqmar Ibrahim dalam ke-

nyataan itu berkata aktiviti seumpama dilakukan adalah untuk mengasah pengetahuan murid yang terlibat.

"Program ini dilaksanakan dengan menggunakan Bahasa Inggeris dan ini adalah untuk menarik

minat murid agar mendalami serta menerokai bahasa tersebut.

"Murid-murid diberikan pendedahan dalam Bahasa Inggeris melalui pelbagai permainan dan pertandingan yang diadakan," katanya.

Ujarnya, UPMKB diharapkan akan menganjurkan lebih banyak lagi program Bahasa Inggeris agar lebih ramai orang menyedari kepentingan bahasa itu untuk masa hadapan dan kerjaya anak-anak mereka.